

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	29/3/2012

6

NASIONAL

Khamis  
29 Mac 2012

BERITA HARIAN

# Syor pilih calon bukan ahli UMNO

## Individu berpengalaman, tak rasuah mampu bantu tadbir negara: Dr M

Oleh Badrul Hizar Ab Jabar  
bhizar@bharian.com.my

**A**YER KEROH: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam mencadangkan UMNO memilih calon yang bukan kalangan ahli parti itu bagi memastikan kemenangan besar Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13).

Bekas Perdana Menteri berpendapat calon luar yang berpengalaman, berbakat dan tidak terbalut dalam rasuah serta memiliki kebolehan tersendiri mampu membantu pemerintah mentadbir kerajaan dengan baik.

"Apa salahnya jika pucuk pimpinan parti mengambil orang luar daripada UMNO, tetapi berbakat dan tidak tercemar dengan rasuah sebagai calon pada PRU-13.

"Sebagai contoh, Datuk Seri Idris Jala dilantik sebagai menteri penuh di Jabatan Perdana Menteri walaupun beliau bukan ahli politik. Kerajaan mungkin melihat dia mempunyai kebolehan yang mampu membantu mereka dalam membangunkan negara," katanya ketika ditemui selepas menghadiri Simposium Antarabangsa Sekolah Berasrama Penuh di Puteri Resort dekat sini, semalam.

Mahathir yang juga bekas Pengerusi BN berkata, hanya dengan memilih calon luar yang berkebolehan, pemerintah boleh mendirikan sebuah kerajaan yang berwibawa.

"Saya lihat pada masa sekarang UMNO ketandusan pemimpin yang memiliki kebolehan disebabkan ada segelintir ahli tidak memberi peluang atau laluan kepada orang luar yang pandai untuk menyertai parti keramat Melayu itu.

"Sebab itulah pada masa ini kebanyakan golongan profesional seperti doktor menyertai parti PAS.

"Apabila ini berlaku, kita nak cari calon pun susah... jika kita bubuh (letak) orang yang ada sekarang,



PENGARAH Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh, Rosland Hussein (kanan) menyampaikan cenderhati kepada Dr Mahathir sambil di perhatikan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam (kiri) pada majlis Perasmian Simposium Antarabangsa Sekolah Berasrama Penuh di Puteri Resort Ayer Keroh semalam.

mungkin dia akan kalah, tapi nak bubuh sapa (siapa)?, kalau tak bagi atau ambil orang luar jadi calon. Inilah akibat daripada sekatan terhadap keahlian dalam UMNO," katanya.



*Apa salahnya jika pucuk pimpinan parti mengambil orang luar daripada UMNO, tetapi berbakat dan tidak tercemar dengan rasuah sebagai calon PRU-13*

**Dr Mahathir Mohamad**  
Bekas Perdana Menteri

Mahathir turut mengingatkan bahawa kemenangan PRU-13 nanti bukannya ditentukan ahli UMNO, sebaliknya mereka yang bukan ahli parti itu.

"Kalau ahli saja yang pilih tak cukup untuk dapat kemenangan. Mereka perlu dapatkan sokongan orang luar daripada UMNO, barulah boleh menang. Kalau orang luar jadi calon, UMNO juga kena sokong asalkan dia (calon luar) daripada BN," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir menyifatkan Amerika Syarikat (AS) negara kaki buli apabila mengenakan sekatan ekonomi ke atas Iran serta negara yang mempunyai hubungan dagang dengannya, termasuk Malaysia.

Katanya, negara itu turut mengamalkan diskriminasi kerana

membenarkan negara kuasa besar lain seperti China, India dan negara Eropah lain membeli minyak mentah daripada Iran tanpa sekatan.

"Saya tidak setuju dengan cara AS, ini cara diktatorial, jika mereka nak buat sesuatu (sekatan), buatlah, kenapa nak paksa negara lain. Diskriminasi pun ada, umpamanya negara Eropah, China dan India boleh beli minyak daripada Iran... kenapa tidak Malaysia.

"Mereka suka buli negara yang lemah dan miskin, tidak boleh (buli) China dan India, tapi buli Malaysia," katanya.

Ditanya tindakan kerajaan menambah subsidi petrol RON95 kepada 93 sen seliter, Mahathir berkata, jika tidak diberi subsidi harga minyak akan naik.